

## Permohonan kemasukan ke universiti awam, politeknik dibuka 7 Februari

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR | 6 Februari 2023, 2:45 pm



GAMBAR HIASAN

PUTRAJAYA – Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) membuka permohonan kemasukan pelajar bagi Sesi Akademik 2023/2024 ke program asasi, sijil, diploma dan ijazah sarjana muda di institusi pengajian tinggi bermula 7 Februari hingga 28 Mac depan.

KPT menerusi kenyataan akhbar berkata, permohonan itu bagi kemasukan ke 20 Universiti Awam (UA), 36 Politeknik, 105 Kolej Komuniti selain empat Institusi Kemahiran Tinggi Awam (ILKA).

Menurutnya, permohonan boleh dibuat menerusi UPUOnline bermula 7 Februari 2023 hingga 28 Mac 2023 bagi permohonan Fasa Pertama manakala 15 Mei 2023 hingga 12 Jun 2023 bagi permohonan Fasa Kedua.

“Permohonan terbuka untuk pelajar Lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) serta setaraf untuk semua program pengajian bagi permohonan Fasa Pertama.

“Manakala hanya program pengajian yang tidak bertemu duga atau ujian dibuka bagi permohonan Fasa Kedua,” katanya di sini tadi.

KPT berkata, pihaknya juga menanggung sepenuhnya kos RM15.00 sebagai Bayaran Proses UPUOnline bagi mendapatkan Unik ID bagi meringankan beban rakyat.

“Dijangkakan lebih 350,000 calon lulusan SPM dan STPM atau setaraf akan mendapat manfaat daripada inisiatif itu yang membawa implikasi kewangan sebanyak RM5.25 juta.

“Semua calon berkelayakan adalah dipelawa mengambil peluang ini bagi menyambung pengajian di peringkat pendidikan tinggi.

“Sebanyak 471 program pengajian ditawarkan kepada Lulusan SPM dan 1,088 program pengajian ditawarkan kepada Lulusan STPM dan setaraf oleh UA, Politeknik, Kolej Komuniti dan ILKA seluruh negara,” katanya. – KOSMO! ONLINE